



HEE (tiga dari kiri) merasmikan Program Pengasingan Sisa dan Kitar Semula (3R) di Taman Implan Setia, Saujana Impian, Kajang, semalam.

SELANGOR PENERAJU WTE

■ Dua projek di Jeram babit RM500 juta jadi perintis sebelum diperluas

Amir Abd Hamid
am@hmetro.com.my

Kajang

Pembangunan projek insinirator moden Waste-To-Energy (WTE) di pusat pelupusan sampah di Jeram dijangka menjadikan Selangor sebagai negeri peneraju pelesenan tenaga daripada sisa pepejal di negara ini.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Hal Ehwal Penggunaan, Sains Teknologi dan Inovasi Selangor, Hee Loy Sian berkata, dua projek di Jeram membabitkan kelu-

lusan peruntukan RM500 juta daripada kerajaan negeri itu dijadikan permulaan sebelum diperluaskan.

Beliau berkata, projek WTE yang akan dimulakan dalam masa terdekat itu bukan saja mampu menghasilkan tenaga daripada sisa sampah malah penyelesaian kepada masalah tapak pelupusan sampah terbuka.

"Kita sudah tiada lagi tapak pelupusan sampah yang sesuai dan jika ada sekali pun akan ada masalah seperti pencemaran air berikutan limpahan atau aliran leachate meresap di bawah tanah.

"Memorandum persefahaman (MoU) dimeterai bersama syarikat dari Che-

ngdu, China untuk projek ini yang menggunakan teknologi Jerman dan Jepun dengan mengikut 100 peratus piawaian Eropah.

"Pada masa akan datang, sampah tidak akan dibuang lagi ke tapak pelupusan sebaliknya dimasukkan ke WTE untuk dibakar dan ditukar kepada tenaga sebelum disalurkan untuk kegunaan domestik," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan merasmikan Program Pengasingan Sisa dan Kitar Semula (3R) Tahun 2019 Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) anjuran bersama Persatuan Penduduk Taman Implan Setia, Saujana Implan di sini, semalam.

DBKL rugi RM58 juta tunggakan sewa PPR, PA

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kerugian RM58 juta berikutan tunggakan sewa terkumpul penyewa unit Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) sehingga 1 Julai lalu.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nur Hisham A Dahlan berkata, tunggakan itu membabitkan lebih 26,000 penyewa daripada keseluruhan 46,000 penyewa unit perumahan ter-

babit di sekitar ibu negara.

Kata Nur Hisham, ada penghuni perumahan itu yang sejak bulan pertama duduk tidak membayar sewa hingga tunggakan melebihi RM10,000 dan ia jelas tidak adil kepada penyewa lain yang membayar sewa setiap bulan.

"Tunggakan yang tinggi ini boleh menjejaskan per-

khidmatan DBKL kepada penduduk kerana hasil kutipan sewa ini turut digunakan untuk membiayai kos pengurusan dan penyelenggaraan rumah PPR dan PA.

"Di pihak DBKL, kita sudah banyak bertolak ansur selain melaksanakan beberapa program untuk membantu penyewa menjelaskan tunggakan mengikut kemampuan masing-masing dan jika masih ingkar, mereka bakal berdepan tindakan lanjut," katanya.

FAKTA
Tunggakan itu membabitkan lebih 26,000 penyewa